

Bahagian A**SOALAN 1 - FAHAMAN**

1. Baca dan fahami surat kiriman di bawah ini. Kemudian senaraikan **SEPULUH (10)** sahaja nilai-nilai terpuji yang boleh kamu dapati daripada surat berikut.

No. 21, Kampong Mata-Mata, Gadong,
Bandar Seri Begawan, BE 1718,
Negara Brunei Darussalam
25 Oktober 2011

Assalamu'alaikum,

Menemui saudari Linda yang kini berada di Tutong dengan harapan semoga dalam keadaan sihat dan sejahtera selalu.

Saudari,

Apa khabar saudari di sana? Saya di sini berada dalam keadaan sihat-sihat sahaja di samping keluarga tersayang.

Tujuan saya menulis surat ini ialah untuk mengkhabarkan kepada saudari bahawa sekolah saya yang baru ini tidak kurang hebatnya dengan sekolah kita dahulu. Murid-murid di sini sangat berdisiplin dan sangat hormat kepada guru-guru. Mereka juga mengamalkan sikap peramah, prihatin dan sentiasa memberi salam kepada sesiapa yang baru ditemui. Begitu juga dengan kebersihan sekolah ini, dari apa yang saya perhatikan semua murid di sini mempunyai sikap tidak camah mata. Mereka amat bertanggungjawab terhadap kebersihan sekolah ini dan tidak akan membiarkan sampah-sarap bersepah di kawasan sekolah agar kawasan sekolah sentiasa berkeadaan kemas dan bersih. Amalan itu sudah menjadi kebiasaan dan menjadi budaya di sekolah ini.

Begitu juga dengan sikap rakan-rakan saya yang sentiasa memberi pertolongan dalam apa jua keadaan sama ada senang ataupun susah. Tidak seorang pun yang mempunyai sikap sombong dan iri hati. Kesemuanya berkelakuan baik dan penyayang.

Guru-guru di sini juga begitu peramah, baik dan bertimbang rasa kepada murid-murid. Mereka sentiasa memberi bantuan kepada murid-murid yang memerlukan. Amalan sopan santun ketika berjumpa dengan guru-guru juga sudah menjadi budaya bagi murid-murid di sini.

Saya berharap keadaan di sekolah kita akan masih seperti dahulu yang sentiasa mengamalkan budaya bersih, amalan sopan santun dan sikap tolong menolong antara satu dengan yang lain.

Akhir kata samutlah salam rindu dan sayang daripada saya kepada rakan-rakan yang lain. Semoga kesemuanya akan mendapat kejayaan yang cemerlang demi keluarga dan bangsa yang tercinta.

Sekian.

Teman yang merinduimu

Ramlah

(Siti Ramlah binti Salam)

Jawab soalan kefahaman di bawah:

1) Apakah tujuan si pengirim mengirim surat itu?

2) Bagaimanakah keadaan murid-murid disekolah baru si pengirim itu?

3) Apakah nilai-nilai murni yang diterapkan oleh murid-murid tersebut apabila berjumpa dengan sesiapa sahaja?

4) Bagaimanakah cara mereka memastikan agar sekolah mereka sentiasa bersih?

5) Tuliskan satu amalan yang sudah menjadi budaya disekolah baru si pengirim.

6) Apakah nilai murni yang dilakukan oleh rakan-rakan si pengirim jika ada diantara mereka menghadapi kesusahan?

7) Tuliskan dua nilai-nilai murni yang dibuat oleh guru-guru kepada murid-murid disekolah baru tersebut.

8) Nyatakan satu amalan yang sering dilakukan oleh murid-murid ketika berjumpa dengan guru-guru.

9) Apakah harapan si pengirim terhadap sekolah lamanya?

10)Siapakah nama si pengirim surat itu?
